

# Bekas guru cerita kisah PM

Oleh SAHBULAH DARWI

UM - 16/5/2007

**BUKIT MERTAJAM** 15 Mei - Bekas guru bahasa Inggeris dan Pengakap Perdana Menteri, Ng Soo Chye (gambar), 76, sentiasa terkenang sikap dan nilai murni yang dimiliki oleh Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semasa menjadi pelajarnya sekitar tahun 1950-an.

Soo Chye memberitahu, sikap dan nilai tersebut terutamanya berdisiplin tinggi, berakhlak mulia dan mementingkan perpaduan antara kaum perlu dicontohi oleh bukan sahaja pelajar malah guru-guru zaman ini.

"Sikap beliau sebagai seorang pelajar yang bijak, berdisiplin, sopan santun, berkepimpinan, merendahkan diri, taat, dedikasi, toleransi dan mudah bergaul dengan pelbagai kaum cukup ketara sehingga menjadikannya dihormati oleh semua orang," katanya kepada *Utusan Malaysia* sempena sambutan Hari Guru 2007, ketika ditemui di rumahnya di Machang Bubok di sini, hari ini.

Soo Chye menjadi guru kepada Perdana Menteri di antara tahun 1953 hingga 1957 di Sekolah Tinggi Bukit Mertajam di sini dan beliau merupakan satu-satunya guru mata pelajaran itu yang masih hidup.

Menurutnya, disebabkan sikap dan nilai tersebut, Abdullah selaku ketua pengakap menjadi pemimpin yang dihormati dan mendapat kerjasama daripada semua pihak.

"Saya masih ingat suatu ketika kami mengadakan program perkhemahan di Teluk Bahang, beliau selaku ketua cukup bijak membahagikan tugas dengan pantas kepada ahli kumpulan dan hasilnya semua berjalan dengan lancar," jelasnya.

Soo Chye memberitahu, walaupun kualiti yang dimiliki oleh Perdana Menteri tidak hanya dibentuk di sekolah, sebaliknya oleh pelbagai faktor, namun adalah menjadi cabaran kepada guru-guru zaman ini untuk melahirkan pelajar seperti Abdullah.

"Walaupun zaman kini jauh berbeza berbanding zaman dahulu, namun matlamat seorang guru untuk mendidik pelajar menjadi seorang yang berguna kepada agama, bangsa dan negara tetap sama," jelasnya.

Justeru, beliau berkata, guru-guru perlu melahirkan lebih banyak pelajar yang mempunyai kualiti seperti Perdana Menteri untuk generasi akan datang.

"Saya berbangga kerana pernah menjadi sebahagian daripada hidup Perdana Menteri dan menjadi harapan saya juga supaya generasi kini juga mencontohi kualiti yang ada pada diri beliau," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, sungguhpun guru-guru zaman ini mempunyai pelbagai kemudahan, namun mereka memikul tanggungjawab yang lebih mencabar berbanding zaman dahulu.

"Zaman dahulu, kalau pelajar kena rotan sekali di sekolah, maka ibu bapa akan tambah satu kali rotan lagi di rumah tetapi zaman sekarang kalau pelajar kena rotan maka ibu bapa akan saman guru," katanya.

Bagi beliau, semangat perpaduan di kalangan pelajar berbilang kaum dan disiplin perlu diperkukuhkan lagi zaman ini menerusi persatuan dan aktiviti di sekolah.

